



KONSEP KEPELBAGAIAN BUDAYA DI DALAM FILEM

Syukriyah Binti Sabry

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Sinematografi)
2018**

KONSEP KEPELBAGAIAN BUDAYA DI DALAM FILEM

SYUKRIYAH BINTI SABRY

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Sinematografi)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

This declaration is made on the Tuesday of 13 June 2017.

Student's Declaration:

I SYUKRIYAH BINTI SABRY (49179) from FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ART hereby declare that the work entitled MULTICULTURALISM IN FILM is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.



SYUKRIYAH BINTI SABRY
(49179)

8/06/2018

Date Submitted

Supervisor's Declaration:

I DR. ABDUL RIEZAL BIN DIM hereby certifies that the work entitled MULTICULTURALISM IN FILM prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (CINEMATOGRAPHY), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:



(DR. ABDUL RIEZAL BIN DIM)

Date:

8/6/2018

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√) :

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature: _____

(Date: 8/06/2018)

Supervisor signature: _____

(Date: 8/6/2018)

Current Address:


NO.310, LORONG 2/1/2, TAMAN SRI AMAN, 06000 JITRA, KEDAH

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk 'Konsep Kepelbagaian Budaya di dalam Filem' telah disediakan oleh Syukriyah Binti Sabry dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Sinematografi).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Dr. Abdul Riezal Bin Dim)

Tarikh:

8/6/2018

Gred

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana berkat limpah kurnia-Nya laporan projek tahun akhir ini berjaya disiapkan mengikut perancangan. Segala kebaikan dan kejayaan di dalam kajian ini adalah datang dari-Nya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua orang tua saya kerana jasa dan pengorbanan mereka dalam membantu dari segi kewangan, masa, dan motivasi sepanjang proses penghasilan laporan projek tahun akhir ini.

Sekalung penghargaan buat penyelia saya iaitu Dr Abdul Riezal Bin Dim, kerana sentiasa tidak putus memberi galakkan dan dorongan untuk menghasilkan laporan projek tahun akhir dengan berkualiti dan bermutu. Penghargaan yang amat tinggi juga buat semua pensyarah program Sinematografi kerana memberi tunjuk ajar dan panduan kepada saya sepanjang saya berada di dalam program ini.

Yang terakhir, tidak lupa juga buat rakan-rakan seperjuangan saya yang sentiasa membantu dari segi moral dan tenaga sepanjang tempoh pembelajaran saya. Sekalung penghargaan buat yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu saya untuk menghasilkan laporan projek tahun akhir ini.

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
Penghargaan	iii
Isi Kandungan	iv - vii
Senarai Rajah	viii
Senarai Lampiran	ix
Abstrak	x
Abstract	xi
BAB 1 – PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1 - 4
1.1 Latar Belakang Kajian	4 - 7
1.2 Penyataan Masalah	7 - 8
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Konsep Kajian	10 - 11
1.6 Limitasi Kajian	12
1.7 Audien	12
1.8 Kesimpulan	12 - 13
BAB 2 – SOROTAN KAJIAN	
2.0 Pengenalan	14
2.1 Definisi Konsep Kepelbagaian Budaya Untuk Membina Pemahaman Kepada Penonton	14 - 16
2.2 Struktur Naratif Membantu Dalam Mengukuhkan Lagi Konsep Kepelbagaian Budaya	17 - 19

2.3	Pembinaan Plot Dalam Sesuatu Cerita Membantu Memperkuat Lagi Naratif	19 - 21
2.4	Contoh Perkembangan Plot	21 - 22
2.4.1	<i>Exposition</i>	21
2.4.2	<i>Development (Raising Action)</i>	21
2.4.3	<i>Climax</i>	22
2.4.4	<i>Resolution</i>	22
2.5	Pembinaan Sesuatu Watak Dalam Menyampaikan Pesan Kepada Penonton	22 - 23
2.6	Tema/Isu Untuk Menyampaikan Ideologi	23
2.7	Penggunaan <i>Subtext</i> Mencabar Kreativiti Penonton Untuk Berfikir dan Mentafsir Cerita	23 - 24
2.8	Komunikasi dan Budaya	24 - 26
2.9	Kesimpulan	26 - 27

BAB 3 – METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	28 - 29
3.1	Reka Bentuk Kajian	30
3.2	<i>Content Analysis</i> dan Sampel Kajian	31 - 32
3.3	<i>Action Research</i> dan Bahan Kajian	33
3.4	Menganalisis Filem Melalui Pendekatan <i>Comparative</i>	33
3.5	Pendekatan Kualitatif dan Kuantitatif	34 - 35
3.6	Kesimpulan	36

BAB 4 – PERBINCANGAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.0	Pengenalan	37
-----	------------	----

4.1	Perbincangan	38 - 40
4.2	Analisis Dapatan Kajian	40 - 43
4.2.1	Soalan Kajian 1	40
4.2.2	Soalan Kajian 2	41
4.2.3	Soalan Kajian 3	41 - 42
4.2.4	Soalan Kajian 4	42
4.2.5	Soalan Kajian 5	43
4.2.6	Soalan Kajian 6	43
4.3	Analisis Filem	44 - 59
4.3.1	Sinopsis dan Analisis Filem <i>Sepet</i> Arahan Yasmin Ahmad	44 - 48
4.3.2	Sinopsis dan Analisis Filem <i>Lelaki Harapan Dunia</i> Arahan Liew Seng Tat	49 - 53
4.3.3	Sinopsis dan Analisis Filem <i>The Journey</i> Arahan Keng Guan Chiu	54 - 59
4.4	Sorotan Projek	59 - 61
4.5	Pengaplikasian Konsep Kepelbagaian Budaya Di Dalam Filem Pendek	61
4.5.1	Sinopsis <i>The Relation</i>	61 - 62
4.5.2	Pembinaan Cerita	62 - 63
4.5.3	Penggunaan <i>Props</i> dan <i>Costume</i>	64 - 66
4.6	Kesimpulan	67

BAB 5 – RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	68
-----	------------	----

5.1	Rumusan	68 - 69
	5.1.1 Rumusan Pencapaian	69
	5.1.2 Rumusan Terperinci	69 - 71
5.2	Cadangan	71
5.3	Kesimpulan	71 - 73
Bibliografi		74 - 78
Lampiran		79 - 95
	Lampiran A	79 - 87
	Lampiran B	88 - 92
	Lampiran C	93
	Lampiran D	94 - 96
	Lampiran E	97 - 98

SENARAI RAJAH

	Muka surat
Rajah 1 <i>Three-Act Structure</i>	20
Rajah 2 <i>Plot Diagram</i>	21
Rajah 3 Reka Bentuk Kajian Yang Digunakan Pengkaji	30
Rajah 4 Prosedur Pengumpulan Data	35
Rajah 5 Poster Filem Sepet	44
Rajah 6 Poster Filem Lelaki Harapan Dunia	49
Rajah 7 Poster Filem <i>The Journey</i>	54
Rajah 8 Penceritaan Ringkas Skrip	63
Rajah 9 Props Yang Digunakan Untuk Beberapa Babak Aksi	64
Rajah 10 <i>Props</i> Yang Digunakan Untuk Membantu Menghidupkan Babak	65
Rajah 11 <i>Costume</i> Mengikut Perwatakan Karakter	66

SENARAI LAMPIRAN

	Muka surat
Lampiran A Soalan Kajian	79 - 87
Lampiran B Gambar <i>Props</i> Yang Dipilih Sepanjang Penggambaran	88 - 92
Lampiran C Gambar Pemilihan <i>Character, Costume</i> , dan Sebab Pemilihan <i>Costume</i> .	93
Lampiran D Transkrip Informan 1 Informan 2	94 - 96
Lampiran E Foto Bersama Informan	97 - 98

ABSTRAK

Konsep Kepelbagaian Budaya Di Dalam Filem

Kajian ini membincangkan mengenai konsep kepelbagaian budaya di dalam filem, diaplikasikan di dalam filem pendek "*The Relation*", bergenra aksi dan *sci-fi* dimana, pengkaji mengaplikasikan beberapa elemen seperti watak yang berbeza bangsa, jenis *wardrobe* dan *mise-en-scene* menjadi asas dan tumpuan dalam kajian ini.

ABSTRACT

Multiculturalism in Film

The research will explore cultural diversity in film which the concept is applied in a self made action and sci-fi short film entitled "The Relation". The researcher applied few elements in the film such as characters from different ethnicity, multiple wardrobe types and *mise-en-scene* as the core and the main focus of the research.

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Budaya menurut kamus Dewan (2005) edisi keempat muka surat 102, kepelbagaian ialah perihal berbagai-bagai jenis. Kepelbagaian merangkumi banyak benda sama ada abstrak atau konkrit yang boleh diperoleh di sesuatu tempat atau kawasan yang sama. Budaya pula merupakan cara hidup manusia yang dibentuk supaya dapat berinteraksi dan menyesuaikan diri dengan masyarakat dan alam sekitar. Perkataan budaya berasal daripada cantuman perkataan Sanskrit dan Melayu, iaitu “budhi” dan “daya”. (Baharuddin, 2007:13). Perkataan “budhi” yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit bererti kecergasan fikiran dan akal. Perkataan “daya” pula ialah perkataan Melayu Polynesia yang bermakna kekuatan kuasa, tenaga dan pengaruh (Baharuddin, 2007:13). Mengikut Kamus Dewan (2005) edisi keempat muka surat 212 menyatakan budaya membawa maksud tamadun, peradaban, kemajuan fikiran dan akal budi.

Budaya merupakan antara faktor yang melahirkan sesuatu masyarakat dan bangsa yang dinilai berdasarkan di atas kejayaan dan kekuatan tamadun yang dibangunkan. Sebagai contoh, kaum Cina di Malaysia merupakan kaum yang paling berpengaruh dan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara Malaysia. Fakta ini adalah hakikat yang telah membawa kepada kejayaan kaum Cina sejak dari awal penghijrahan mereka ke Tanah Melayu pada

abad ke-19 (Abraham, 1986:56). Tidak ketinggalan juga kaum India telah berjaya bersaing dengan kaum Cina dan kaum Melayu sehingga mendapat tempat di dalam ekonomi dan politik negara ini.

Menurut Osman (1988), memperkatakan budaya sebagai satu himpunan kelengkapan intelektual dan kebendaan yang mampu memenuhi kehendak biologi dan kemasyarakatan serta dapat menyesuaikan dengan keadaan sekeliling. Menurut E.B. Tylor pula menjelaskan bahawa budaya merupakan keseluruhan kompleks yang mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat dan sebarang bentuk kebiasaan. Manakala menurut L.A. White memperlihatkan bahawa budaya merupakan satu organisasi fenomena tindakan (pola tingkah laku), objek (alat), idea, sentimen (nilai) yang bergantung kepada simbol-simbol (Syed Ismail Bin Syed Mustapa dan Ahmad Subki Bin Miskon, 2010:4-5).

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum yang mempunyai budaya, adat resam dan ciri-ciri keistimewaan yang tersendiri. Kepelbagaian budaya ini telah membentuk satu identiti Malaysia yang harmonis dan bersama-sama berganding bahu untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Budaya dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu budaya bersifat kebendaan dan budaya yang bersifat bukan kebendaan (Baharuddin, 2007:14). Budaya kebendaan adalah seperti peralatan yang dapat

memberi simbol dan makna kepada orang lain dalam erti kata yang lain bersifat konkrit. Manakala budaya bukan kebendaan ialah kepercayaan, adat istiadat dan undang-undang (Baharuddin, 2007:14). Masyarakat yang yakin kepada budayanya akan menunjukkan rasa hormat dan patuh kepada amalan dan larangan yang terdapat dalam budaya tersebut. Justeru, amalan positif atau negatif masyarakat tersebut bergantung kepada sejauh mana sistem budaya yang dilaksanakan dan kekuatan unsur-unsur yang terdapat di dalam budaya.

Budaya mempunyai dua peranan iaitu yang pertama membina imej negara ke arah mewujudkan keperibadian serta identiti dan yang kedua memupuk kesedaran kebangsaan dan kenegaraan bercirikan kerohanian, kemanusiaan, spiritual dan mental (Baharuddin, 2007:14). Negara yang mempunyai kepelbagaian budaya seperti Malaysia tidak terlepas daripada perselisihan perkauman yang mencetuskan konflik antara kaum yang mengakibatkan peristiwa berdarah dan pembunuhan orang-orang yang tidak berdosa. Walau bagaimanapun, peristiwa 13 Mei 1969 merupakan titik-tolak kepada pembentukan negara Malaysia yang baru. Kerajaan Malaysia telah menggandakan usaha mereka bagi menyelesaikan masalah pelbagai kaum dengan harapan peristiwa 13 Mei 1969 tidak akan berulang. Sekiranya peristiwa berdarah seperti itu berlaku lagi maka, akan lahirlah pelbagai pandangan dan pendapat negatif dari luar yang menggambarkan tiada kesepaduan, toleransi dan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum.

Dengan itu, wajarlah budaya Malaysia dikekalkan kerana budaya ini melambangkan identiti dan imej negara di mata dunia.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pengkaji mengkaji bahawa Filem Yasmin Ahmad (1958–2009) ini boleh dikatakan satu legasi peninggalan artifak budaya yang penting dalam konteks masyarakat Malaysia kontemporari untuk menggalakkan dialog antara pelbagai pihak yang mempunyai kepentingan masing-masing. Mereka menggunakan kesempatan ini dalam hal pembentukan identiti etnik dan agama yang berhubung kait dari segi pemahaman situasi sosio-politik yang bersifat kepelbagaian budaya di negara ini. Hampir kesemua filem Yasmin Ahmad memaparkan hubungan antara pelbagai budaya seperti yang terdapat di dalam filem *Sepet* (2004), *Gubra* (2006), *Mukhsin* (2007), *Muallaf* (2008) dan *Talentine* (2009).

Filem yang dihasilkan oleh Yasmin Ahmad seringkali berlatar belakangkan semangat kepelbagaian budaya dengan pemaparan perhubungan cinta di antara dua individu yang berbeza etnik atau agama. Cara pemaparan yang berunsurkan cinta dan sentimental antara dua etnik dan agama yang berbeza secara langsung akan menyediakan konflik dari segi perkembangan naratif dan plot yang memerlukan penyelesaian pada akhir cerita. Hal ini menyediakan banyak ruangan untuk berdialog dan berunding melalui makna yang terbentuk secara simbolik

atau realiti supaya interpretasi boleh dilakukan dengan meneliti penggunaan bahasa filem yang dinamik dengan merujuk kepada konteks sosio-politik yang wujud di Malaysia pada masa yang sama.

Walau bagaimanapun, bermula dari Sepet (2004) sehinggalah ke filemnya yang terakhir *Talentine* (2009), Yasmin Ahmad merupakan salah seorang atau mungkin satu-satunya susuk pengarah filem di Malaysia yang mana filemnya sentiasa menerima kritikan kerana mesej yang disampaikan mempunyai elemen-elemen yang mencabar perspektif konservatif sekumpulan masyarakat Malaysia (Azalea, 2008). Hal ini menimbulkan persoalan, apakah elemen-elemen yang terkandung di dalam filem Yasmin Ahmad menjadi begitu kontroversi dalam konteks tempatan?

Selain itu, pengkaji juga mengkaji terhadap filem arahan Liew Seng Tat iaitu *Lelaki Harapan Dunia* dimana percubaan seorang pengarah berbangsa Cina dalam mengarah sebuah filem yang memfokuskan kepada latar belakang masyarakat Melayu dan memecah tradisi pemikiran kolot mereka terhadap adat "Angkat Rumah". Percubaan pengarah Lew Siang Tat menghasilkan filem panjang selepas *Tudung* (2006) dan *Flower in the Pocket* (2007), telah memberi peluang kepadanya sebagai seorang pengarah independen filem dalam menghasilkan filem yang lain pula.

Liew Seng Tat bermain dengan idea dalam menghasilkan filem sebegini

sejak tahun 2007, akan tetapi beliau perlu menunggu lagi dalam tempoh masa yang agak lama untuk mendapatkan idea, dan pengalaman yang lebih. Oleh itu, Liew Seng Tat perlu fokus kepada pengarahannya filem pendek dahulu, kemudian barulah beliau meletakkan sasaran terhadap *feature film* pertama beliau, iaitu *Flower in The Pocket* (2007). Oleh sebab terdapatnya sedikit salah faham di dalam filem beliau, penonton mula menyalahkan beliau kerana seolah-olah menyindir masyarakat Melayu, di dalam filem tersebut. Sebagai pengkaji, persoalan mula timbul adakah filem Liew Seng Tat ini gagal disampaikan dan diterima oleh semua lapisan masyarakat disebabkan kegagalan pengarah berbangsa Cina ini dalam mendalami kehidupan bangsa lain?

Akhir sekali, pengkaji mengkaji bahawa terdapat seorang pengarah yang berpotensi menggantikan tempat Yasmin Ahmad iaitu Chiu Keng Guan. Terdapat banyak filem yang dihasilkan oleh beliau mempunyai konsep kepelbagaian budaya ini setanding dengan pengarah terkenal iaitu Yasmin Ahmad. Hal ini secara langsung menyedarkan masyarakat Malaysia bahawa Chiu Keng Guan ini merupakan permata di dalam industri filem di Malaysia. Melalui filem beliau iaitu *WooHoo!* (2010), *Great Day* (2011) and *The Journey* (2014) dan *Ola Bola* (2016), telah meletakkan beliau kepada satu aras yang tinggi di dalam sejarah filem di Malaysia. Melalui filem *WooHoo!* (2010) dan *Great Day* (2011) telah memberi cerminan kepada pemakaian tradisional bangsa Cina di Malaysia, ego, dan bersifat progresif terhadap generasi muda.

The Journey (2014) pula, telah memberi tamparan hebat apabila sebuah filem yang mampu menyentuh hati, dan sangat ikhlas mampu sampai kepada penonton. Ianya juga menyentuh isu umum seperti perbezaan budaya, kompromi, penerimaan bersama, dan halangan dalam berkomunikasi iaitu bahasa yang digunakan berbeza. Sebuah filem yang sangat unik, tetapi filem ini telah berjaya meraih penonton yang agak ramai menonton tanpa menimbulkan kontroversi mengenai konsep kepelbagaian budaya. Pengkaji mengkaji, apakah elemen yang diterapkan oleh Chiu Keng Guan di dalam filem ini, sehingga masyarakat boleh menerima konsep kepelbagaian budaya tersebut?

1.2 Penyataan Masalah

Sebagai pengkaji, permasalahan yang timbul adalah konsep kepelbagaian budaya ini menjadi kontroversi jika salah dalam meletakkan konsep tersebut di dalam sesebuah filem dan ianya tidak dapat diterima oleh penonton. Menurut Yaacob (1998), menyatakan komunikasi sebagai informatif, iaitu seseorang individu itu mengerti dan mengetahui, dan juga sebagai persuatif. Iaitu agar seseorang individu itu bersedia menerima sesuatu perubahan atau keyakinan untuk melakukan sesuatu perbuatan atau kegiatan. Jadi pengkaji melihat bahawa komunikasi itu sangat penting dalam menyampaikan sesuatu mesej kepada penonton terutama sekali melibatkan konsep seperti kepelbagaian budaya di dalam filem. Menurut Uwei Haji Saari (2017), konsep kepelbagaian budaya ini

boleh diterapkan di dalam filem jika pengarah itu faham mengenai sesuatu budaya tersebut, tahu cara untuk menyampaikan konsep tersebut dan ikhlas dalam menyampaikan sesuatu kepada penonton. (Sabry, 2017:94-96)

Pengkaji juga mengkaji, terdapat sebilangan filem dihasilkan yang menerapkan konsep kepelbagaian budaya ini, akan tetapi tidak menimbulkan sebarang kontroversi mengenainya. Sebagai contoh filem arahan Keng Guan Chiu (*The Journey*), adalah filem tempatan paling laris dalam sejarah perfileman negara pada tahun 2014 apabila mengumpul kutipan tiket sebanyak RM12.92 juta (setakat 23 Februari). Sebuah filem yang tidak lari konsep seperti filem arahan Yasmin Ahmad, dan Liew Seng Tat, ianya melangkaui budaya dan generasi, kepelbagaian budaya dan juga pertembungan budaya Timur dan Barat serta ketegangan hubungan ibu bapa dan anak. Sebagai pengkaji, hal ini menimbulkan persoalan apakah elemen-elemen yang terkandung di dalam filem Yasmin Ahmad (*Sepet*), Liew Seng Tat (*Lelaki Harapan Dunia*) boleh menimbulkan kontroversi dalam konteks tempatan, dan bagaimana pula filem arahan Keng Guan Chiu (*The Journey*), boleh menarik penonton yang begitu ramai menontonnya, tanpa menimbulkan sebarang kontroversi mengenai konsep kepelbagaian budaya tersebut.

Kajian ini telah dispesifikkan kepada filem arahan Yasmin Ahmad (*Sepet*), Liew Seng Tat (*Lelaki Harapan Dunia*), dan Keng Guan Chiu (*The Journey*), dimana konsep kepelbagaian budaya ini digunakan di dalam filem tersebut.

1.3 Objektif Kajian

Penerapan konsep bertujuan untuk mencapai objektif kajian antaranya:

- i) Mengenalpasti cara yang boleh ditunjukkan supaya konsep kepelbagaian budaya dapat disampaikan kepada penonton tanpa menimbulkan sebarang kontroversi.
- ii) Mengkaji bagaimanakah konsep kepelbagaian budaya di Malaysia dapat disampaikan melalui filem-filem yang telah dihasilkan.
- iii) Mengaplikasikan konsep ini pula dengan penglibatan pelbagai kaum dan budaya di Malaysia dalam industri filem tempatan.

1.4 Persoalan Kajian

Dalam kajian, persoalan akan meliputi:

- i) Apakah elemen-elemen yang terkandung di dalam filem menjadi begitu kontroversi dalam konteks tempatan?
- ii) Bagaimana seorang pengarah boleh menghasilkan filem yang mengamalkan pendekatan sederhana dan menghormati kepelbagaian budaya, dan ia boleh diterima oleh masyarakat?
- iii) Sejauh mana penerimaan masyarakat mengenai konsep kepelbagaian budaya ini di dalam filem telah dihasilkan?

1.5 Konsep Kajian

Kegunaan kajian ini bertujuan untuk mengkaji adakah penonton faham mengenai konsep kepelbagaian budaya di dalam kehidupan seharian mereka dan bolehkah konsep ini disampaikan kepada penonton melalui filem yang dihasilkan. Sebagai pengkaji pelbagai reka bentuk kajian yang boleh digunakan untuk pengkaji membuat kajian ini. Antara reka bentuk kajian yang digunakan adalah:

Content Analysis adalah teknik untuk mengumpul dan menganalisis kandungan teks. Kandungan tersebut merangkumi perkataan, frasa, ayat, perenggan, gambar, simbol, atau idea. Di dalam kajian ini, pengkaji perlu merujuk buku-buku, artikel, jurnal dan pelbagai jenis rujukan bertulis yang lain untuk menguatkan lagi fakta kajian. Tidak terkecuali pengkaji menggunakan laman sesawang yang bersesuaian untuk menjimatkan lagi masa pengkaji dalam mencari definisi sebenar konsep kepelbagaian budaya tersebut.

Action Research dimana pengkaji akan membuat sedikit temubual dengan beberapa pengarah filem mengenai pandangan peribadi mereka terhadap konsep kepelbagaian budaya di dalam filem dan juga orang yang lebih pakar terhadap aspek sains sosial dalam menghurai konsep kepelbagaian budaya ini. Selain itu, di dalam *action research* juga, pengkaji akan membuat *survey* menggunakan *questionnaire* untuk mendapatkan pemahaman umum berkenaan konsep ini.